

PATUK BALDU
Velvet-fronted Nuthatch

FAMILI: Sittidae
NAMA SAINTIFIK: *Sitta frontalis*

CIRI-CIRI

Bagi burung jantan dewasa sub-spesies *S.f.frontalis*, terdapat kombinasi yang jelas iaitu paruh merah, bahagian bawah badan berwarna biru keunguan, bahagian dahi berwarna hitam dan jalur halus selepas mata yang menghala ke arah belakang kepala. Bahagian leher pula berwarna putih dan bahagian bawah badan yang berwarna merah jambu pucat. Bagi burung jantan dewasa sub-spesies *S.f.saturation* yang terdapat di selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia, bahagian bawah badan berwarna lebih pekat warna merah jambu pucat serta sedikit kecoklatan. Bagi burung betina dewasa pula, jalur halus selepas mata yang menghala ke arah belakang kepala tidak kelihatan. Bahagian bawah badan pula lebih kepada warna coklat muda pudar terutama pada bahagian dada dan perut. Bagi burung juvenil, sama seperti burung dewasa tetapi paruh berwarna hitam, bahagian atas badan pula berwarna lebih pudar dan kekelabuan. Bahagian bawah badan pula berwarna coklat muda yang lusuh dan bahagian bulu penutup bawah tengkeng berwarna merah jambu pudar dengan jalur-jalur melintang berwarna coklat muda pucat.

MAKANAN

Burung ini sering dikaitkan dengan kumpulan burung yang bercampur antara spesies-spesies lain semasa mencari makanan. Ia memakan serangga dan labah-labah, namun kadang-kadang, ia juga memakan biji-bijian dan juga kecacang.

HABITAT

Burung ini mendiami kawasan hutan dipterokap dan kawasan hutan oak dan pine hingga ke ketinggian 1,800 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi *sit* yang berulang-kali mengikut kala 1.5-2.0 saat bagi setiap bunyi, yang kadangkala menjadi semakin cepat, dan juga bunyi *chit-it'it'it*. yang kemudiannya bertukar menjadi *chip chip sit-sit-sit-sit-sit-sit-sit*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bermula dari bulan Februari hingga Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 3-6 biji telur di dalam sarang yang dibina pada bukaan atau rongga pada pokok.